

1. Sesebuah perniagaan diwujudkan dalam masyarakat bertujuan untuk.....
 - A. Menyediakan perkhidmatan percuma kepada masyarakat
 - B. Memastikan ekonomi negara terus berkembang
 - C. Menawarkan barang dan perkhidmatan
 - D. Memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat

2. Pernyataan di bawah merujuk kepada suatu bentuk perniagaan

- Tertakluk kepada Akta Syarikat 1965
- Modal diperolehi dengan menerbitkan syer
- Saham syarikat tidak boleh diurusniaga di Bursa Malaysia

Apakah bentuk milikan perniagaan tersebut?

- A. Milikan tunggal
 - B. Perkongsian
 - C. Syarikat Berhad
 - D. Syarikat Sendirian Berhad
-
3. Gambar berikut adalah suatu bentuk milikan perniagaan



Gambar 1

Pernyataan yang manakah merupakan ciri-ciri perniagaan tersebut?

- A. Francaisi berhak untuk menggunakan cap atau rahsia dagangan milik francaisor
- B. Francaisor tidak berhak mengawal perniagaan francaisi
- C. Keuntungan francaisi harus diserahkan kepada francaisor
- D. Francaisor dan francaisi tidak terikat dengan mana-mana perjanjian

4. Rajah 1 menunjukkan sektor perniagaan.



Rajah 1

Apakah sektor perniagaan tersebut?

- A. Sektor primer
 - B. Sektor sekunder
 - C. Sektor tertier
 - D. Sektor antarabangsa
5. Syarikat Nana Supplier merupakan syarikat pembekal sayur-sayuran yang ditubuhkan Pn Saafa'aina. Syarikat ini membekalkan sayur di beberapa buah negeri seperti Johor, Melaka, Pahang dan Negeri Sembilan dengan bantuan 15 orang pekerja. Setiap tahun syarikat mampu menjana jualan sehingga RM 400 000 setahun.
- Apakah cabaran yang dihadapi oleh Pn Saafa'aina dalam menerajui Syarikat Nana Supplier?
- A. Terdapat persaingan yang besar dalam perniagaan
 - B. Kos overhead yang tinggi meningkatkan perbelanjaan syarikat
 - C. Peraturan dan undang-undang kerajaan menjadikan syarikat ini sukar berkembang
 - D. Ketidakpastian pasaran barangan yang dibekalkan

6. Rajah berikut merupakan suatu logo perbadanan kerajaan.



Apakah bidang kuasa perbadanan tersebut?

- A. Tanah dan galian
 - B. Penyelidikan
 - C. Promosi
 - D. Pembiayaan
7. Pernyataan berikut adalah benar mengenai faktor dalaman trend menurun *kecuali*...
- A. Pengeluaran yang mencukupi
 - B. Gaya pengurusan kurang disenangi
 - C. Tidak menggunakan sumber teknologi
 - D. Sumber manusia tidak produktif
8. Berikut adalah perbualan antara dua orang pengurus syarikat.



Rajah 2

Apakah analisis faktor yang bersesuaian dengan pelan perniagaan Pasaraya Maju?

- I. Kekuatan
- II. Kelemahan
- III. Peluang
- IV. Ancaman

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan III
- D. II dan IV

9. Pernyataan manakah yang benar mengenai misi Syarikat AHZ Berhad?
- A. Syarikat berhasrat untuk meningkatkan jualan tahunan mereka sehingga RM 2 juta pada tahun 2026
 - B. Memastikan masyarakat dapat menikmati perkhidmatan yang ditawarkan oleh Syarikat AHZ.
 - C. Semua pekerja dapat menjalani latihan isdustri yang sesuai
 - D. Mengembangkan perniagaan sehingga menembusi pasaran antarabangsa
10. Berikut adalah ciri-ciri SMART *kecuali*.
- A. Munasabah
 - B. Boleh dicapai
 - C. Boleh diukur
 - D. Boleh diubah

11. Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan En Farhan.

En Farhan telah menubuhkan sebuah kilang yang menghasilkan kain batik sutera di Kelantan. Kain batik sutera yang dihasilkan dipasarkan di beberapa negeri di Malaysia. Corak moden dan berkualiti adalah kensep yang digunakan untuk keluarannya.

- Apakah misi yang sesuai bagi perniagaan yang diusahakan oleh En Farhan?
- A. Menjadi sebuah perniagaan membekal batik sutera yang paling popular di Malaysia
 - B. Memastikan jumlah jualan tahunan mencapai RM 3 juta setahun
 - C. Menjual kain batik sutera yang menepati citarasa pembeli
 - D. Menawarkan kain batik sutera dengan harga yang berpatutan


12. HRZ Art Trading merupakan pengeluar pasu yang terkenal di Air Hitam, Johor. Berikut adalah maklumat berkaitan dengan pengeluaran 20 000 pasu bunga viral.

Kos tetap	RM 200 000
Kos upah	RM 150 000
Kos bahan mentah	RM 90 000

Apakah titik pulang modal (unit) bagi pengeluaran pasu viral, sekiranya harga jualannya ialah RM 16?

- A. 40 000 unit
 B. 45 000 unit
 C. 50 000 unit
 D. 48 000 unit
13. Berikut adalah kesan kepada perniagaan akibat kegagalan mencapai matlamat dan objektif perniagaan *kecuali*...
- A. Mendapat pesaing yang sengit
 B. Tidak mampu mengembangkan perniagaan
 C. Jualan merosot
 D. Imej perniagaan terjejas

14.



Apakah X?

- A. Struktur Organisasi
 B. Pelan Organisasi
 C. Carta Alir
 D. Pelan Sumber Manusia

15. Berikut adalah berkaitan dengan carta organisasi perniagaan

En Haikal merupakan pengurus bahagian jualan Syarikat Maju-maju. En Haikal berperanan untuk memastikan sasaran jualan dapat dicapai seperti yang telah ditetapkan.

Apakah perkaitan pernyataan ini dengan carta organisasi?

- A. Hierarki dalam organisasi
- B. Pembahagian tugas
- C. Hubungan dengan ketua jabatan
- D. Pelan operasi

16. Pernyataan manakah merupakan tujuan bahagian fungsian pentadbiran?

- A. Menyelaras aktiviti organisasi
- B. Merancang kewangan organisasi
- C. Melakukan aktiviti sokongan kepada organisasi
- D. Melaksanakan program induksi

17. Rajah di bawah adalah berkaitan dengan teknologi



Rajah 3

Bagaimanakah fungsi teknologi tersebut mampu mengintegrasikan setiap bahagian yang ada di dalam sesebuah organisasi?

- A. Memastikan tiada gangguan di dalam organisasi
- B. Maklumat perniagaan dapat dihantar dengan mudah dan cepat
- C. Menyampaikan maklumat dengan tepat
- D. Merapatkan hubungan antara majikan dan pekerja

18. Carta di bawah merupakan langkah-langkah pembangunan produk baharu.



Apakah X?

- A. Melibatkan kajian semula jualan, kos dan unjuran keuntungan untuk mengetahui sama ada dapat memenuhi objektif syarikat
- B. Menerangkan sasaran pasaran, posisi produk yang dirancang, jualan, syer pasaran dan matlamat keuntungan
- C. Proses pembuatan keputusan
- D. Proses mengkaji idea-idea produk baharu untuk memilih yang terbaik

19. Antara berikut, pernyataan yang manakah berkaitan penggunaan teknologi maklumat dalam perniagaan?

- I. Sistem kewangan dan laporan perniagaan dapat disimpan dengan baik
- II. Pengeluaran produk perkilangan dapat dihasilkan dengan cepat
- III. Pelanggan dapat membuat tempahan dan pembayaran produk secara dalam talian
- IV. Dapat meluaskan pasaran produk sedia ada

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. II dan IV

20. Berikut adalah hubungan interaksi antara perniagaan kecil dan perniagaan besar

AHZ supplier merupakan sebuah perniagaan kecil yang membekalkan fabrik kain dan kulit kepada Proton Holdings

Pilih pernyataan manakah yang berkaitan.

- A. Perniagaan kecil perlu memastikan produk yang dikeluarkan berkualiti
- B. Bahagian kewangan perniagaan besar perlu memastikan sumber mencukupi untuk membayar hutang
- C. Kedua-dua perniagaan tidak perlu membuat perjanjian perniagaan
- D. Perniagaan besar mengukuhkan kedudukannya dan membantu perniagaan kecil terus membekalkan bahan mentah

21. Pernyataan manakah merujuk kepada maksud pengurusan sumber manusia?

- A. Mengurangkan sebarang risiko yang akan dihadapi oleh perniagaan
- B. Memastikan sumber kewangan perniagaan sentiasa mencukupi
- C. Membangun dan membekalkan tenaga kerja yang berdaya saing
- D. Berusaha meningkatkan kecekapan dalam proses pengeluaran

22. Berikut adalah berkaitan peranan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan

- Amalan kerja yang beretika, berintegriti
- Mementingkan kecemerlangan
- Total Quality Management (TQM), Kaizen, dan 5S

Pernyataan tersebut merujuk kepada

- A. Pemantapan budaya profesional
- B. Pemberian insentif yang munasabah
- C. Latihan peningkatan kemahiran
- D. Membangunkan pasukan untuk mencapai sasaran

25. Berikut adalah tujuan mengurus sumber fizikal bagi sesebuah perniagaan *kecuali*
- Memastikan sumber fizikal boleh dijual semula
 - Memastikan semua aset-aset perniagaan berada dalam keadaan baik dan selamat
 - Memastikan semua sumber fizikal boleh berfungsi dengan baik
 - Memastikan sumber fizikal sentiasa mencukupi

26. Rajah di bawah menunjukkan aplikasi pengurusan sumber fizikal sesebuah perniagaan



Rajah 4

Antara berikut yang manakah kesan pengurusan sumber fizikal seperti di dalam rajah?

- Meningkatkan penawaran produk yang dikeluarkan
 - Meningkatkan kecekapan dalam pengurusan
 - Sumber tenaga sentiasa mencukupi
 - Meningkatkan produktiviti barang
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - II dan IV

27. Berikut adalah karya-karya tempatan.



Gambar 2

Apakah perlindungan yang sesuai untuk melindungi karya-karya tersebut?

- A. Lesen perisian
- B. Hak cipta terpelihara
- C. Cap dagangan
- D. Paten

28. Apakah jenis sumber pembiayaan yang memerlukan peniagaan menjual invoice kepada pihak bank?

- A. Pajakan
- B. Overdraf
- C. Pemfaktoran
- D. Gadaian


29. Berikut merupakan salah satu agensi kerajaan yang menawarkan pembiayaan kepada peniaga.



Pilih pernyataan yang berkaitan dengan kelemahan sumber pembiayaan tersebut.

- A. Persaingan yang sengit untuk mendapatkan pembiayaan
- B. Kadar faedah yang dikenakan adalah tinggi
- C. Tempoh bayaran balik terlalu panjang
- D. Terpaksa menyediakan cagar

30. Berikut adalah prosedur mendapatkan pembiayaan daripada pihak bank.



Apakah X?

- A. Penilaian rancangan perniagaan
- B. Khidmat nasihat kewangan
- C. Menyemak rancangan perniagaan
- D. Memilih pembiayaan yang tepat

31. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan Pn Afeeya

Pn Afeeya merupakan seorang pengusaha sebuah butik yang terletak di Kuala Lumpur. Butik pakaian yang dulunya dipenuhi pelanggan kini semakin berkurangan akibat pandemik Covid 19. Pn Afeeya bercadang untuk menjenamakan semula butik pakaiannya di samping meluaskan pemasaran produknya keluar negara. Pn Afeeya bercadang untuk membuat permohonan pembiayaan dengan mencagarkan tanah pusakanya.

Apakah faktor yang akan dipertimbangkan oleh pihak bank sebelum meluluskan pembiayaan Pn Afeeya?

- A. Lokasi butik Pn Afeeya
- B. Jumlah pembiayaan yang dimohon
- C. Bilangan pemegang saham
- D. Nilai aset yang dicagarkan

32. Apakah jenis penyata kewangan?

- I. Penyata pendapatan
- II. Kunci kira-kira
- III. Akaun simpanan
- IV. Akaun semasa

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. II dan IV

33. Berikut adalah maklumat penyata aliran tunai bagi Perniagaan Harraz

Baki awal	RM 500
Jualan tunai	RM 4 500
Belian Tunai	RM 2 700
Utiliti	RM 1500
Sewa diterima	RM 600

Berapakah baki akhir?

- A. RM 2 400
 - B. RM 1 250
 - C. RM 2 450
 - D. RM 1 400
34. Berikut adalah maklumat mengenai kilang membuat pasu yang diusahakan oleh En Amir. Kilang tersebut terletak di Kluang Johor. Kos-kos yang terlibat adalah seperti berikut:

Kos tetap	RM 90 000
Harga seunit	RM 55
Kos berubah seunit	RM 40

Andaikan kos tetap meningkat 20%, hitungkan bilangan pasu yang perlu dihasilkan.

- A. RM 6 000
- B. RM 7 200
- C. RM 7 000
- D. RM 6 200

35. Berikut adalah maklumat dari dua perniagaan yang membuat kasut

	Syarikat Kasut Zam	Pembekal Kasut Sham
Kadar pusing ganti stok	14 kali	10 kali

Pilih pernyataan yang berkaitan dengan situasi di atas

- A. Jualan kasut Syarikat Kasut Zam adalah lebih laris
- B. Pembekal Kasut Sham lebih cekap dalam pengurusan stok
- C. Syarikat Kasut Zam lebih cekap dalam pengurusan stok
- D. Jumlah kasut yang dijual oleh Syarikat Kasut Zam adalah 14 kali lebih banyak berbanding Pembekal Kasut Sham

36. Gambar merujuk sebuah perniagaan perabot



Gambar 3

Apakah jenis stok bagi barang tersebut?

- A. Stok yang mengambil masa yang lama untuk dijual
- B. Stok yang lama yang masih belum dijual
- C. Stok baharu tapi masih belum terjual
- D. Stok yang tiada permintaan

37. Pilih pernyataan yang merujuk kepada faedah perniagaan dan matlamat peribadi seorang usahawan
- I. Memberi banyak peluang pekerjaan
 - II. Membentuk personaliti diri yang unggul
 - III. Mengurangkan kebergantungan barang import
 - V. Lebih bebas menguruskan kehidupan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. II dan IV
38. Akta berikut berkaitan dengan penubuhan syarikat *kecuali*
- A. Akta Syarikat 2016
 - B. Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012
 - C. Akta Penubuhan Perniagaan 1956
 - D. Akta Persaingan Perniagaan 2017

KERTAS SOALAN TAMAT